

Masyarakat wajar belajar daripada sejarah

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar

BH 28 JUL 2000

Kejayaan bersejarah Malaysia ialah membentuk hubungan kaum yang harmoni dan mampu mengelakkan sentimen perkauman dalam masyarakat berbilang kaum

KOTA KINABALU, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kegagalan masyarakat mengambil teladan sejarah silam menyebabkan mereka terus menerus mengulangi kesilapan yang sama sekarang.

Perdana Menteri berkata, peristiwa sejarah sepatutnya mengajar masyarakat membentuk dunia yang lebih baik tetapi malangnya ia selalu diabaikan dan tidak diberi perhatian.

“Akibatnya, kita terus melakukan kesilapan yang sama sehingga menyebabkan penderitaan yang dialami sekarang tidak berbeza daripada masyarakat lalu.

“Dunia kini seolah-olah tidak berubah kerana kita terus melakukan kesalahan, jenayah dan dosa yang sama seperti dilakukan

masyarakat terdahulu,” katanya.

Dr Mahathir turut mengkritik sikap segelintir sejarawan yang hanya menuliskan sejarah bagi memenuhi cita rasa dan kebanggaan negara mereka saja.

“Ini menyebabkan kita mendapat gambaran yang berat sebelah dan menyeleweng. Teladan yang diperolehi daripada kebenaran yang diselewengkan menyebabkan kita terus melakukan kesilapan yang sama,” katanya ketika merasmikan Persidangan Ke-16, Persatuan Antarabang-

sa Sejarawan Asia (IAHA) di Hotel Magellan Sutera di sini hari ini.

Lebih 400 ahli sejarah dari Asia dan Eropah hadir dalam persidangan tiga hari yang bermula hari ini, anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS). Turut hadir Naib Canselor UMS, Datuk Prof Dr Abu Hassan Othman dan Presiden IAHA, Prof Dr Ahmat Adam.

Dr Mahathir berkata, penjajahan Barat turut menyebabkan rakyat Malaysia menganggap negaranya tidak mempunyai sejarah.

“Ketika penjajahan, sekolah hanya diajar mengenai sejarah British dan Eropah saja. Ini menyebabkan kita hanya mengetahui keagungan negara Barat.

“Malah sejarah perjuangan Datuk Onn Jaafar, Datuk Panglima Bukit Gantang, Datuk Nik Kamil tidak diketahui dan diajar sepenuhnya kepada pelajar sekarang, seolah-olah ia menggambarkan kerajaan juga sependapat bahawa Malaysia tidak mempunyai sejarah,” katanya.

Sedangkan, katanya, kebanyakan negara berbangga dengan sejarah perjuangan bangsanya kerana mampu meningkatkan semangat patriotik di kalangan penduduk.

“Sebaliknya kita di Malaysia, timbul pula rasa malu untuk menunjukkan

kegemilangan dan keagungan masa silam apa lagi menghargai pengorbanan tulen dan sumbangan yang dilakukan pejuang terdahulu,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kejayaan bersejarah Malaysia yang terbaru ialah membentuk hubungan kaum yang harmoni dan mampu mengelakkan sentimen perkauman dalam masyarakat berbilang kaum.

Tetapi, katanya, tidak semua orang gembira dengan keamanan dan harmoni yang dinikmati negara sekarang.

“Kerajaan dituduh tidak Islamik sesetengah parti politik yang mendorong masyarakat Islam membenci kerajaan dalam usahanya mengamalkan toleransi dan kesederhanaan kepada semua kaum serta agama,” katanya.